

KLDF papar kreativiti, inovasi reka bentuk kayu

Kuala Lumpur: Lembaga Berindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bersama-sama dengan beberapa organisasi lain menganjurkan Kuala Lumpur Design Festival (KLDF) dalam usaha menjadikan bandar raya Kuala Lumpur sebagai Daerah Kreatif dan Kebudayaan.

KLDF 2022 telah diadakan pada 1 sehingga 18 Disember 2022, di empat lokasi sekitar Kuala Lumpur iaitu pusat beli-belah GMBB; High Street Studio di Jalan Tun HS Lee; Benteng (River of Life) dan Dataran Merdeka.

Festival yang julung kali diadakan itu mendapat kerjasama thinklab, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Think City. Ia turut mendapat sokongan daripada Pertubuhan Graduan Akitek Malaysia (PAMNXT), Persatuan Rekabentuk Grafik Malaysia (wREGA) dan Persatuan Rekabentuk Perindustrian Malaysia (PEREKA).

TANGGAM Design Centre (TDC), iaitu pusat reka bentuk milik MTIB bersama organisasi lain seperti YI Holdings Group, Malaysian Finnish Business Council dan GMBB Kuala Lumpur juga bekerjasama dalam menjayakan festival itu.

MTIB adalah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perlindungan dan Komoditi yang berperanan untuk membangun dan memajukan industri perkayuan

serta perabot di Malaysia.

Festival itu dianggap unik kerana ia mengetengahkan kolaborasi daya kreativiti dan inovasi pereka profesional serta pelajar dari pelbagai cabang reka bentuk, dengan menekankan kepada penggunaan kayu sebagai bahan utama.

Dalam mempromosikan produk dan idea reka bentuk tempatan, festival itu turut menganjurkan pelbagai aktiviti seperti forum, tayangan filem dan pameran sepanjang program terbabit berlangsung.

Olahan idea dan kebijaksanaan dalam membentuk pemahaman secara visual adalah fungsi utama reka bentuk.

Bagi mencapai matlamat ini, pemilihan bahan adalah sangat penting. MTIB percaya kayu adalah bahan masa hadapan yang terbaik berdasarkan ciri estetik dan lestari.

Manifestasi budaya, warisan

Pengarah Urban Mechanics dari Think City, Daniel Lim, berkata penganjuran KLDF 2022 adalah selari dengan hala tuju pelan strategik mereka bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Jabatan Warisan Negara bagi merealisasikan visi Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD).

“Reka bentuk dan seni bina



Kuala Lumpur Design Festival (KLDF) menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam reka bentuk.

adalah penting kerana ia manifestasi kebudayaan dan warisan kita,” katanya.

Pengarah KLDF, Muhamad Razif Nasruddin, percaya KLDF 2022 adalah permulaan baharu bagi sesuatu yang hebat, bukan hanya memfokuskan di sekitar Lembah Klang, malah ia juga bagi sektor reka bentuk di seluruh negara secara am.

Justeru, katanya, dengan kejayaan KLDF 2022, KLDF 2023

akan dianjurkan pada 22 hingga 30 September ini bertemakan ‘sustainable intelligence’ (kecerdasan mampan).

“Tema ini dipilih untuk memberikan tumpuan kepada kepentingan hidup secara mampan menerusi promosi reka bentuk yang baik kepada orang ramai. Ini termasuk daripada aktiviti harian, persekitaran kehidupan, internet, gaya hidup serta kesedaran berkenaan pemanasan

global,” katanya.

Katanya, ada pelbagai program menarik yang dirangka bersama daripada persatuan reka bentuk tempatan dengan objektif untuk memberikan kesedaran orang awam menerusi pendidikan dan pengalaman reka bentuk.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai KLDF 2023, sila layari laman web www.kldesignfestival.com atau e-mel di makecondition@gmail.com.